

Kes saman Tommy Thomas

Saya tak kenal, tak pernah jumpa atau arah bunuh Altantuya: Najib


Bekas PM dakwa bekas Peguam Negara prejudis hasilkan buku cemar nama baik

Oleh Suraya Ali
suraya.ali@bh.com.my

Shah Alam: Bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menegaskan beliau tidak pernah mengenali, berjumpa dan sama sekali tidak pernah mengarahkan pembunuhan wanita warga Mongolia, Altantuya Shaariibuu.

Najib berkata demikian di Mahkamah Tinggi di sini ketika menjawab soalan peguamnya, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang bertanya sama ada beliau mengenali atau pernah berjumpa dengan Altantuya dan mengarahkan pembunuhannya seperti tertulis dalam bab 42 buku *My Story: Justice In The Wilderness* oleh bekas Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas.

“Saya tidak pernah mengenali, tidak pernah berjumpa dan saya tidak pernah memberi arahan sedemikian dan saya tidak terbabit



Najib hadir di Mahkamah Tinggi Shah Alam bagi perbicaraan kes saman fitnah terhadap Tommy, semalam.
(Foto Faiz Anuar/BH)

dalam pembunuhan Altantuya.

“Saya menyatakan ini dalam rekod dan bersumpah laknat (mubalah) beberapa kali,” katanya.

Najib berkata, sebagai bekas Peguam Negara, Tommy sepatutnya mengesahkan kesahihan sumber maklumat sebelum menerbitkan dan mengedarkan buku itu secara meluas di dalam dan di luar negara.

“Selepas meninggalkan Ja-

batan Peguam Negara (AGC), Tommy menulis kandungan yang prejudis terhadap saya sepanjang perbicaraan IMDB sedang berjalan.

“Dia (Tommy) membuat tuduhan terhadap saya dengan menulis sebuah buku yang diterbitkan defendan kedua dan diedarkan di dalam dan seluruh dunia dengan membangkitkan pembunuhan Altantuya dan menyatakan saya

berada di sebalik tabir. Jelas dia berniat mencemarkan nama baik saya,” katanya.

Ketika ditanya sama ada beliau mengenali Abdul Razak Baginda, Najib berkata, beliau mengenali Abdul Razak sebagai penganalisis pertahanan yang bekerja di bawah pentadbirannya pada masa itu.

Najib berkata, Abdul Razak terbabit dalam pembelian dua kapal selam Scorpene daripada pembuat kapal selam Perancis bernilai berbilion dolar untuk Kementerian Pertahanan.

Ketika ditanya hubungan Abdul Razak dengan Altantuya, Najib berkata, beliau tidak pernah mengetahui secara terperinci hubungan Abdul Razak, namun beliau mendapat tahu tentang hubungan romantis di antara mereka selepas membaca laporan media.

Tommy diwakili peguam Alan Adrian Gomez, manakala peguam Datuk Ambiga Sreenevasan mewakili syarikat penerbitan, GB Gerakbudaya Enterprise Sdn Bhd yang dinamakan sebagai defendan kedua.

Pada 2021, Najib, 71 memfail saman terhadap Tommy dan perbit buku itu kerana mendakwa

mereka memfitnahnya apabila mengaitkan beliau dengan pembunuhan Altantuya.

Untuk kelirukan rakyat Najib berkata, beliau dipaparkan dengan meluas dalam bab 42 dan berta lain buku berkenaan yang menyatakannya mengarahkan anggota Unit Tindakan Khas,



Tommy Thomas

Azilah Hadri dan Sirul Azhar Umar untuk membunuh Altantuya dan mengelirukan rakyat mengenai kes itu bagi menutup perbuatannya.

Susulan itu, Najib memohon perintah defendan memadamkan kenyataan fitnah dalam buku itu dan perintah injunksi menghalang defendan atau ejen mereka daripada mengeluarkan kenyataan

sama.

Beliau turut menuntut permohonan maaf daripada kedua-dua defendan, aku janji untuk tidak menerbitkan kenyataan sama, ganti rugi am, teruk dan teladan serta relif lain difikirkan sesuai oleh mahkamah.

Perbicaraan bersambung di depan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Khadijah Idris pada 30 Jun 2025.